

18 JUN 1998

Umno-Zahid (Harta)

SAYA TELAH ISYTIHARKAN HARTA KEPADA PM, KATA ZAHID

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata beliau telah mengisytiharkan asetnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebulan selepas memegang jawatan ketua pergerakan itu.

"Walaupun saya tiada jawatan dalam kerajaan, saya dengan rela mengisytiharkan aset saya kepada PM," katanya kepada pemberita di akhir perhimpunan Pemuda di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Majlis Belia Malaysia Datuk Suhaimi Ibrahim bahawa Zahid perlu mengisytiharkan hartanya bagi mengelakkan kesangsian terhadap dirinya sendiri.

Ketika ditanya sama ada beliau bersedia memaklumkan kepada perwakilan mengenai hartanya, Zahid berkata: "Saya telah isytiharkan kepada PM dan PM tiada komen apa-apa, dan pada masa itu tentulah nilainya lebih tinggi, sekarang merudum."

Zahid berkata beliau adalah seorang usahawan dan apa yang beliau miliki "bukan harta curi, bukan harta rasuah atau hasil tipuan".

Ditanya sama ada kejayaannya dalam bidang perniagaan bukan dicapai melalui kronisme, Zahid berkata beliau boleh membuktikan bahawa tidak ada satupun projek penswastan yang diperolehinya secara peribadi.

"Saya tidak adapun mendapat tender-tender kerajaan secara langsung dan saya pun tidak memperolehi sebarang faedah daripada jawatan saya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional," katanya.

Mengenai soal kronisme dalam pengagihan projek penswastan yang dibangkitkannya ketika membentangkan ucapan dasarnya pagi tadi, Zahid berkata Pemuda tidak mempersoalkan soal dasar tetapi pelaksanaan projek dan aktiviti hiliran.

"Nepotisme dan kronisme berlaku kebanyakannya di situ...itu yang mahu dirobah Pemuda," katanya.

Mengenai masalah yang dihadapi Sime Bank, Zahid berkata beliau mempersoalkan hemat (prudence) dalam melaksanakan sistem pemberian kemudahan kredit.

"Soalnya, had kredit untuk seorang pelanggan (single customer limit) tidak diambil kira, soal cagaran tidak mencukupi untuk sesuatu pinjaman... atau tiada langsung cagaran pinjaman berpuluh dan beratus juta ringgit,"

Zahid juga berkata beliau mempunyai bukti mengenai dakwaannya bahawa terdapat pinjaman Sime Bank yang diluluskan tanpa mengikut garispanduan perbankan.

"Saya mempunyai bukti. Bila masanya tiba saya akan dedahkan," katanya.

Ketika ditanya bilangan mereka yang menerima kemudahan pinjaman sedemikian, Zahid berkata beliau akan merujuk kepada peguam sebelum membuat kenyataan lanjut.

Menyentuh peranan Penolong Bendahari Pemuda Mokhzani Mahathir sebagai "jambatan" antara pergerakan itu dan pucuk pimpinan parti, beliau berkata Mokhzani tentunya menyampaikan hasil mesyuarat Exco Pemuda sama ada yang positif atau negatif kepada presiden parti (Dr Mahathir) yang juga bapanya.

-- BERNAMA

MAM AD WAT